

# Institut Biosains UPM temui sebatian ubat tanpa steroid

Oleh Syuhada Choo Abdullah

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) mencatat penemuan baru dalam bidang perubatan apabila berjaya mengenal pasti sejenis sebatian tulen yang mampu dijadikan ubat tanpa steroid untuk pencegahan serta rawatan keradangan, sekali gus memberi sumbangan besar dalam bidang berkenaan.

Penemuan julung kali sebatian tulen dikenali sebagai *cardamomin* itu adalah hasil awal penyelidikan dijalankan Institut Biosains universiti itu yang mengemblemkan kepakaran dua pasukan penyelidik diketuai Prof Dr Md Nordin Lajis bagi penyelidikan kimia dan Prof Madya Dr Daud Israf (mekanisme ubatan).

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bar daie, berkata secara ringkas, *cardamomin* adalah sejenis sebatian tulen yang diekstrak daripada sumber tumbuh-tumbuhan, iaitu buah pokok *Alpinia rafflesiana*, satu spesies lengkuas.

Beliau berkata, kajian peringkat makmal setakat ini mendapati jika sebatian tulen itu dibabungkan menjadi ubat, besar kemungkinan kesan keracunannya amat kurang berbanding beberapa jenis ubat antikeradangan di pasaran yang boleh mengakibatkan kesan sampingan seperti ulser perut jika diambil dalam tempoh lama.

Malah perlu diberi perhatian, katanya, penemuan penting itu mungkin yang pertama seumpamanya dicapai oleh saintis tempatan sepenuhnya dan paten ter-

hadap hasil penyelidikan itu sudah pun difailkan.

"Penyelidikan lanjut akan dijalankan terhadap penemuan berkenaan kerana untuk membolehkan ubat baru itu dipasarkan, banyak lagi ujian praklinikal dan klinikal perlu dilaksanakan sebelum ia diguna oleh manusia. Bagaimanapun, penggunaan ubat tanpa steroid itu mempunyai potensi besar.

"Sehubungan itu, UPM sedia berbincang dengan mana-mana syarikat yang berminat untuk bekerjasama menjayakan penyelidikan peringkat lanjutan," katanya selepas merasmikan Bengkel 'Modern NMR Spectroscopy' dan menandatangani 'surat niat untuk bekerjasama' antara Institut Biosains dan H.E.J Research Institute of Chemistry, University of Karachi, di UPM, Serdang,

semalam.

Hadir sama Pemangku Pengarah, H.E.J Research Institute of Chemistry, Prof Dr M Iqbal Choudhary, yang menandatangani surat berkenaan bagi pihak institutnya.

Mengenai jalinan kerjasama dengan H.E.J Research Institute of Chemistry, Dr Mohd Zohadie berkata, pemeteraian surat itu sebagai permulaan dan ia akan diguna pakai sehingga memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani antara kedua-dua pihak apabila mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan kelak.

Beliau berkata, antara bidang kekuatan institut berkenaan ialah kimia hasil semula jadi yang turut menjadi tumpuan Institut Biosains, sekali gus membuka ruang kerjasama dua

hala secara positif serta kukuh dalam aktiviti penyelidikan kedua-dua pihak terbabit.

Katanya, kerjasama itu akan membolehkan tenaga penyelidik di kedua-dua institut berkenaan saling bertukar kepakaran, pengalaman, sumber dan kemudahan untuk kemajuan bersama.

Pendapat berkenaan turut dipersetujui Dr M Iqbal yang menegaskan bahawa pembangunan dan kemajuan bidang sains moden kini tidak dapat dilaksanakan secara bersendirian, sebaliknya memerlukan kerjasama serta saling berkongsi kepakaran dengan pihak lain.

Selain itu, beliau berkata, kerjasama sedemikian juga amat penting untuk mengembangkan rangkaian hubungan, khususnya di kalangan tenaga pelapis di Malaysia serta Pakistan.